

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL

[JELEBU]

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh mana keberkesanan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dalam mencegah kes-kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, ponteng sekolah, kerosakan akhlak dan lain-lain masalah sosial, adakah Kementerian bercadang untuk memperkasakan lagi peranan pasukan perlindungan kanak-kanak (PPKK) dan apakah caranya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) ditubuhkan di bawah Subsekyen 7(1) Akta Kanak-Kanak 2001 melalui Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. PPKK berfungsi untuk menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pelindungan terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Bagi mencapai maksud di atas, PPKK bertanggungjawab menyelaraskan pelbagai program pencegahan di peringkat masyarakat setempat. Sehingga kini terdapat sebanyak 121 buah PPKK di seluruh negara.

Di bawah PPKK ini telah ditubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti seminar, kursus, bengkel, kelas tuisyen, sukan

serta intervensi yang berbentuk motivasi, bimbingan dan kaunseling. Program dan aktiviti yang disediakan memberi banyak manfaat dan mengelakkan kanak-kanak daripada terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Kini, terdapat 148 PAKK di seluruh negara dengan kehadiran seramai 23,005 orang kanak-kanak.

Satu kajian berkaitan Keberkesanan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di Gombak Setia telah dijalankan pada tahun 2012 dan hasil kajian mendapati bahawa seramai 78.5 peratus kanak-kanak telah hadir ke Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di kawasan tersebut. Kajian juga menunjukkan 76.5 peratus keluarga di kawasan tersebut menyatakan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak merupakan tempat yang sesuai untuk kanak-kanak mengisi masa lapang mereka dan melakukan aktiviti yang berfaedah.

Bagi meningkatkan keberkesanan usaha memperkasakan lagi peranan Pasukan Perlindungan kanak-kanak (PPKK), Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membuat pindaan terhadap seksyen 3, 4, 5 dan 6 Akta Kanak-Kanak 2001 dengan menggantikan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-Kanak kepada Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak. Fungsi dan kuasa Majlis ini diperluaskan antara lain adalah untuk menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai

semua aspek yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak ini juga akan dianggotai oleh komuniti yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kanak-kanak serta wakil kanak-kanak.

Selain itu, Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak juga akan distrukturkan semula dari segi fungsi dan peranan dengan memperkasakan penglibatan komuniti bagi menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan.